

PBAPP pertimbang pemasangan sistem solar bagi penjimatan kos

23/03/2021 02:04 PM



GEORGE TOWN, 23 Mac -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sedang mencari dan mempertimbangkan pilihan bagi pemasangan sistem solar di kemudahannya yang lain untuk menjana lebih banyak penjimatan kos.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk Jaseni Maidinsa berkata ia susulan pemasangan sistem itu di Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar, di sini, yang dilihat mampu mengurangkan kos serta menjimatkan penggunaan elektrik.

Beliau berkata sistem 1.5 MWp (Megawatt puncak) tersebut dipasang oleh syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang iaitu PSB Energy Sdn Bhd (PSB), tanpa kos untuk PBAPP.

“(Tiada) bayaran untuk sistem itu, sebaliknya PBAPP menandatangani perjanjian dengan PSB untuk membayar tarif solar sebanyak 30.5 sen/kWh bagi tempoh 25 tahun.

“Tarif solar ini lebih rendah berbanding tarif komersial yang dikenakan oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB),” katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Jaseni berkata sistem solar yang dipasang di Bukit Dumbar telah menjana penjimatan bil elektrik dengan purata RM22,811.00 sebulan untuk tempoh enam bulan.

“Susulan pengoperasian sistem berkenaan pada 31 Julai, 2020 kos elektrik PBAPP turun sebanyak RM136,868.00 bagi tempoh Ogos 2020 hingga Januari 2021 berbanding kos pada Februari 2020 hingga Julai 2020. Penjimatan kos yang diunjurkan untuk setahun penuh adalah RM273,732,” katanya.

Menurut perjanjian berkenaan, PSB juga bertanggungjawab untuk menyenggarakan sistem tersebut sepanjang tempoh perjanjian. Beliau berkata sistem pemantauan secara dalam talian juga telah dipasang di lokasi untuk memantau prestasi sistem.

Manakala bagi tujuan pengumpulan tenaga solar, sebanyak 4,586 panel solar fotovoltaik telah dipasang di atas kolam air Bukit Dumbar R2 dan R3 yang tertutup, katanya.

Jaseni berkata panel-panel yang dipasang itu akan mengubah tenaga solar kepada elektrik yang disalurkan ke transformer peningkatan kuasa 415V/11kV.

“Selepas proses itu, elektrik diagihkan kepada sistem bekalan kuasa untuk digunakan oleh Rumah Pam Bukit Dumbar 1 dan Bukit Dumbar 2.

“Melalui cara ini, elektrik yang dijana daripada langkah memanfaatkan tenaga solar di Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar boleh digunakan di dalam kawasan itu untuk operasi mengepam air terawat 24 jam,” katanya.